

Gaya Pembelajaran Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Dan Hubungannya Dengan Gaya Pengajaran Pensyarah

Ahmad Johari Bin Sihes & Steven Panai
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian korelasi ini bertujuan untuk mengkaji hubungan gaya pembelajaran pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) dengan gaya pengajaran pensyarah yang mengajar PKPGB. Kajian ini melibatkan 70 orang responden dari PKPGB, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Instrumen kajian yang digunakan adalah Inventori Gaya Pembelajaran Kolb untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar dan Inventori Gaya Pengajaran Grasha untuk mengkaji gaya pengajaran pensyarah. Satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Dapatan dianalisis mengguna komputer menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) Version 14.0 for Windows bagi mendapatkan jumlah peratus, kekerapan, purata skor min dan korelasi. Kajian rintis telah dijalankan dan didapati nilai Cronbach-Alpha adalah .86 bagi Inventori Gaya Pembelajaran Kolb dan .84 bagi Inventori Gaya Pengajaran Grasha. Hasil kajian mendapati kategori gaya pembelajaran Pemerhatian Reflektif (42.8 peratus) paling dominan diikuti kategori gaya pembelajaran Pengalaman Konkrit (37.1 peratus), Pengkonsepsian Abstrak (12.8 peratus) dan Pengujikajian Aktif (7.1 peratus). Jenis gaya pembelajaran pelajar pula, jenis gaya pembelajaran Pencapaian (51.4 peratus) paling dominan diikuti jenis gaya pembelajaran Asimilasi (31.4 peratus) dan gaya pembelajaran Pemusatan dan Penyesuaian Diri masing-masing (8.6 peratus). Gaya pengajaran pensyarah yang paling dominan ialah gaya pengajaran Pakar (min = 4.178) diikuti gaya pengajaran Delegator (min=3.982), gaya pengajaran Pemudahcara (min=3.874), gaya pengajaran Autoriti Formal (min=3.726) dan gaya pengajaran Model Personel (min=3.580). Hasil kajian juga mendapati tidak terdapat perhubungan yang signifikan di antara gaya pengajaran pensyarah dengan kategori gaya pembelajaran pelajar.

Abstract: The objective of this correlational research is to study the relationship between the learning style of students under the Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) and the teaching style of lecturers conducting the PKPGB. A total of 70 respondents from the PKPGB, Faculty of Education, UTM were involved in this research. The Kolb Learning Style Inventory was used as research instrument to collect data about students' learning style. Grasha Teaching Style Inventory was used to study lecturers' teaching style. Data collected were analyzed using the SPSS software, version 14.0 for Windows to get the total percentage, frequency, mean score average and correlation. Pilot study was been carried out and Cronbach – Alpha value found to be .86 for Kolb Learning Style Inventory and .84 for Grasha Teaching Style Inventory. The outcome of the research shows that learning style category through Reflective Observation (42.8%) is most dominant, followed by Concrete Experience learning style category (37.1%), Abstract Conceptualization (12.0%) and Active Experimentation (7.1%). Likewise, the most dominant students' learning style is Diverger (51.4%), followed by Assimilator learning style (31.4%) and Converger and Accomodator learning style (8.6%). Meanwhile, Expert teaching style (min=4.178) is the most dominant in lecturers teaching style among lecturers followed by Delegatior teaching style (min = 3.982), Facilitator teaching style (min = 3.874), Formal Authority teaching style (min=3.726) and Personal Model teaching style (min 3.580). It is found that there are no significant correlation between lecturers teaching style and students learning style categories.

Katakunci: gaya pembelajaran Pelajar, gaya pengajaran, Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB)

Pengenalan

Terdapat pelbagai jenis gaya pembelajaran yang digunakan secara meluas dalam institusi pendidikan di seluruh dunia. Antara yang popular ialah Model Kolb dengan gaya pembelajaran iaitu Penyesuaian Diri (*Accommodator*), Pencapaian (*Diverger*), Pemusatan (*Converger*) dan Asimilasi (*Assimilator*), Teori Kepelbagaian Kecerdasan oleh Gardner dengan Sembilan kecerdasan, Model Reichmann dan Grasha yang mengambil kira enam elemen sikap, Model Myers dan Briggs pula mengambil kira lima kategori yang melibatkan ciri-ciri Ekstrovert, Introvert, Deria, Perasaan dan Pertimbangan, manakala Dunn dan Dunn menekankan lima faktor utama iaitu Persekitaran, Emosional, Fizikal, Sosiologikal dan Psikologikal. Memahami gaya pembelajaran diri membolehkan seseorang mengenalpasti kekuatan yang dimiliki (Kelly, 1997). Menurut Montgomery dan Groat, (2002), setiap fakulti institusi pengajian tinggi harus mendedahkan pelbagai gaya pembelajaran kepada pelajar-pelajar agar berupaya mengenalpastinya dalam bidang masing-masing dan memperoleh manfaat menerusinya. Tuckman(1992), melalui penyelidikannya yang memadankan gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara cara gaya pembelajaran dengan kaedah penyampaian pengajaran guru.

Pernyataan Masalah.

Berdasarkan masalah yang telah dibincangkan, penyelidik mendapati bahawa gaya pengajaran penting dalam proses pembelajaran untuk mewujudkan pembelajaran yang berkesan. Gaya pengajaran juga memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana kedua-dua faktor ini saling berkaitan. Penyelidikan oleh Tuckman (1992) yang memadankan gaya pembelajaran dengan gaya pengajaran telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara cara gaya pembelajaran dengan kaedah pengajaran guru. Oleh itu dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenalpasti kategori gaya pembelajaran pelajar PKPGB berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb iaitu Pengalaman Konkrit (*Concrete experience*, CE), Pemerhatian Reflektif (*Reflective observation*, RO), Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract conceptualization*, AC), dan Pengujikajian Aktif (*Active experimentation*, AE) dan jenis gaya pembelajaran iaitu Penyesuaian Diri (*Accommodator*), Pencapaian (*Diverger*), Pemusatan (*Converger*) dan Asimilasi (*Assimilator*) serta mengenalpasti gaya pengajaran pensyarah berdasarkan Inventori Gaya Pengajaran Grasha iaitu Pakar, Autoriti Formal, Model Peribadi, Fasilitator dan Delegator. Untuk mendapatkan hasil pembelajaran yang berkesan dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, kerserasian antara gaya pembelajaran dan gaya pengajaran adalah amat diperlukan (Felder, 1993).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut di kalangan guru-guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) , Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia iaitu;

1 Menenalpasti kategori dan jenis gaya pembelajaran yang dominan yang diamalkan oleh pelajar PKPGB berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb.

2 Menenalpasti gaya pengajaran dominan yang diamalkan oleh pensyarah berdasarkan Inventori Gaya Pengajaran Grasha iaitu Pakar, Autoriti Formal, Model Peribadi, Fasilitator dan Delegator.

3 Menentukan hubungan di antara kategori gaya pembelajaran pelajar PKPGB dengan gaya pengajaran pensyarah.

Kepentingan Kajian.

Hasil daripada kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukannya;

1 Kajian ini dapat digunakan oleh pensyarah untuk memantapkan lagi pengajaran mereka supaya lebih berkesan dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar PKPGB. Dengan ini, pensyarah dapat membaiki kaedah pengajarannya supaya dapat disesuaikan dengan gaya pembelajaran pelajar PKPGB.

2 Kajian ini dapat membantu pelajar untuk mengetahui gaya pengajaran pensyarah yang diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini pelajar dapat membaiki kaedah pembelajaran supaya bersesuaian dengan gaya pengajaran pensyarah.

3 Hasil kajian juga dapat membantu pihak fakulti dan universiti untuk merancang dan melaksanakan aktiviti atau program yang dapat meningkatkan lagi gaya dan kemahiran belajar pelajar PKPGB seperti seminar atau bengkel supaya pelajar didedahkan lagi kepada gaya dan kemahiran belajar yang paling berkesan.

Skop

Mengkaji gaya pembelajaran pelajar PKPGB berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb iaitu Pengalaman Konkrit (*Concrete experience, CE*), Pemerhatian Reflektif (*Reflective observation, RO*), Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract conceptualization, AC*), dan Pengujikajian Aktif (*Active experimentation, AE*). Dan gaya pengajaran pensyarah berdasarkan Inventori Gaya Pengajaran Grasha iaitu Pakar, Autoriti Formal, Model Peribadi, Fasilitator dan Delegator.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi adalah semua ahli di dalam suatu kelompok yang ingin diselidiki (Mohd Najib, 1999). Penyelidik telah menggunakan semua populasi dalam kajian ini. Populasi kajian adalah terdiri daripada guru-guru besar yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar- Pengurusan Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dalam kajian ini, sampel kajian adalah terdiri daripada semua populasi iaitu seramai 70 orang pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar.

Instrumen Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan satu set soal selidik. Menurut Van Dalen, 1993), soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat dan mempunyai lebih kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif dan kualitatif.

Penggunaan soal selidik berbentuk item tertutup dan jawapan terpilih amat baik kerana ia tidak memerlukan responden berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger, 1986). Menurut Marshall dan Rossman (1989), soal selidik mempunyai kekuatan dalam menjalankan kajian iaitu;

- i. Mudah untuk memanipulasi dan mengkategorikan data untuk di analisis.
- ii. Mengurus dan mentadbir data dengan mudah dan berkesan.
- iii. Mudah untuk membuat generalisasi.

Set soal selidik ini adalah terjemahan daripada Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (*Kolb Learning Style Inventory, LSI*) dan Inventori Gaya Pengajaran Grasha (*Grasha Teaching Style Inventory*).

Bahagian A mengandungi item-item berkaitan dengan faktor demografi seperti nama, jantina, bangsa, tempoh pengalaman berkerja, umur kelayakan ikhtisas dan bidang pengkhususan. Bahagian B mengandungi item berkaitan dengan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb dan Bahagian C mengandungi item berkait dengan Inventori Gaya Pengajaran Grasha.

Bahagian A

Mengandungi soalan-soalan berbentuk demografi. Responden dikehendaki untuk menanda (\checkmark) pada ruang yang berkaitan dan mengisi respon dalam ruang yang disediakan.

Bahagian B

Inventori kajian yang digunakan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar adalah inventori gaya pembelajaran Kolb (1976). Inventori ini mengandungi Sembilan item dan empat pilihan yang mengelaskan seseorang responden tentang cara penyerapan ilmu pengetahuan yang disampaikan. Responden akan dibahagikan kepada empat kategori gaya pembelajaran iaitu;

- i. Pengalaman Konkrit (*Concrete experience, CE*),
- ii. Pemerhatian Reflektif (*Reflective observation, RO*),
- iii. Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract conceptualization, AC*),
- iv. Pengujian Aktif (*Active experimentation, AE*).

Untuk menentukan nombor kategori gaya pembelajaran pelajar, responden perlu mengisi nombor 1 hingga 4 dalam kurungan yang disediakan sebelah pilihan bagi setiap set item. Setiap set item mengandungi 4 pilihan. Pilihan dalam setiap set item merupakan skala empat kateogri gaya pembelajaran. Responden mesti menandakan keempat-empat pilihan di setiap item. Nombor 4 diletakan di sebelah pilihan yang paling menyerupai diri, nombor 3 di sebelah pilihan yang menyerupai diri anda, nombor 2 di sebelah pilihan yang kurang menyerupai diri anda dan nombor 1, di sebelah pilihan yang paling tidak menyerupai diri anda.

Berikut merupakan ringkasan maksud setiap nombor.

- 4 = paling menyerupai diri anda.
- 3 = menyerupai diri anda.
- 2 = kurang menyerupai diri anda.
- 1 = paling tidak menyerupai diri anda.

Contoh:

- (4) A. saya berasa *gembira* apabila mempelajari sesuatu yang baru.
- (3) B. saya *cepat* mempelajari sesuatu topik baru.
- (2) C. saya berasa *marah* apabila mempelajari topik yang kurang difahami.
- (1) D. saya mempelajari topik baru dengan *telitinya*

Jawapan di atas menunjukkan responden sangat gembira untuk belajar, diikuti dengan cepat menyerap perkara baru, kemudian kurang berasa marah apabila belajar sesuatu topik baru yang kurang difahami dan kurang sekali mempelajari sesuatu topic yang baru dengan teliti.

Bahagian C

Mengandungi item-item berkaitan dengan gaya pengajaran Grasha. Responden dikehendaki untuk menilai gaya pengajaran pensyarah dengan memberi jawapan dalam Bentuk Skala Likert. Mohd Najid (1999), menegaskan bahawa penggunaan Skala Likert adalah sangat sesuai kerana mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu sehingga 85%. Skala ini dibahagikan kepada 5 tahap skor iaitu Sangat Setuju (5), Setuju (4), tidak Pasti (3), Tidak Setuju (2) dan Sangat Tidak Setuju (1).

Kajian Rintis

Kebolehpercayaan kandungan instrumen kajian adalah penting. Kesahan kandungan intrumen merujuk kepada sejauhmana instrumen yang digunakan mampu mengumpul data yang diperlukan dalam kajian. Maxwell (1996) menyatakan bahawa isu kesahan penting untuk menunjukkan kajian yang dijalankan bukan semata-mata untuk memenuhi kehendak diri penyelidik tetapi membenarkan penyelidik untuk menguji keterangan data yang berbeza.


Untuk memastikan set soal selidik ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan, penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan item tersebut. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB)-Pengurusan Pendidikan di Universiti Pendidikan Tun Hussein Onn di Batu Pahat, Johor. Hasil analisis kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan intrumen *Learning Style Inventory (LSI)* oleh Kolb, nilai Alpha ialah 0.86 alpha dan *Teaching Style Inventory* oleh Grasha, nilai Alpha ialah 0.84. Set soal selidik *Teaching Style Inventory* oleh Grasha ini telah di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* version 14 for windows dan *Learning Style Inventory (LSI)* oleh Kolb di analisis secara manual. Alpha merupakan ketetapan dalaman dan nilai maksimum untuk pekali kebolehpercayaan adalah 1.0. sekiranya nilai tersebut kurang dari 0.6, maka boleh dikatakan instrument yang digunakan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd Salleh dan Zaidatun, 2001).

Keputusan

Taburan Kategori Gaya Pembelajaran Pelajar PKPGB.

Taburan gaya pembelajaran pelajar PKPGB berdasarkan kategori gaya pembelajaran Kolb adalah seperti di dalam Jadual 1 di bawah.


Jadual 1: Taburan Kategori Gaya Pembelajaran Pelajar PKPGB Mengikut Turutan Menurun.

Kategori Gaya Pembelajaran	f	%	Turutan Menurun
Pemerhatian Reflektif (<i>Reflective Observation, RO</i>)	30	42.8	
Pengalaman Konkrit (<i>Concrete Experience, CE</i>)	26	37.1	
Pengkonsepsian Abstrak (<i>Abstract Conceptualization, AC</i>)	9	12.8	
Pengujikajian Aktif (<i>Active Experimentation, AE</i>)	5	7.1	
Jumlah	70	100	

Taburan Jenis Gaya Pembelajaran Pelajar PKPGB.

Taburan gaya pembelajaran pelajar PKPGB berdasarkan jenis gaya pembelajaran Kolb adalah seperti di dalam jadual 2 di bawah.


Jadual 2: Taburan Jenis Gaya Pembelajaran Pelajar PKPGB Mengikut Urutan Menurun.

Jenis Gaya Pembelajaran	f	%	Turutan Menurun
Pencapaian (<i>Diverger</i>)	36	51.4	
Asimilasi (<i>Assimilator</i>)	22	31.4	
Pemusatan (<i>Converger</i>)	6	8.6	
Penyesuaian Diri (<i>Accommodator</i>)	6	8.6	
Jumlah	70	100	

Jenis Gaya Pengajaran Pensyarah.

Taburan jenis gaya pengajaran pensyarah berdasarkan Inventori Gaya Pengajaran Grasha adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Gaya Pengajaran Pensyarah Yang Dominan Mengikut Penilaian Pelajar Secara Turutan Menurun.

Jenis Gaya Pengajaran	Skor Purata Min	Turutan Menurun
Pakar	4.178	
Delegator	3.982	
Pemudahcara	3.874	
Autoriti Formal	3.726	
Model Personel	3.580	

N = 70

Perbincangan

Apakah kategori dan jenis gaya pembelajaran dominan yang diamalkan oleh pelajar yang mengikuti PKPGB berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb?"

Berdasarkan Inventori Gaya Pembelajaran Kolb, gaya pembelajaran pelajar yang dominan mengikut kategori secara turutan ialah Pemerhatian Reflektif (*Reflective Observation*) diikuti dengan Pengalaman Konkrit (*Concrete Experience*), Pengkonsepsian Abstrak (*Abstract Conceptualization*) dan Pengujikajian

Aktif (*Active Experimentation*). Sementara jenis gaya pembelajaran pelajar dominan pula secara turutan ialah Pencapaian (*Diverger*) diikuti Asimilasi (*Assimilator*), Pemusatan (*Converger*) dan Penyesuaian Diri (*Accommodator*)

Berdasarkan kategori gaya pembelajaran, dapatan kajian mendapati 30 orang (42.8 peratus) daripada 70 orang responden mengamalkan gaya pembelajaran pemerhatian reflektif. Menurut Kolb (1976), pelajar yang berorientasikan gaya pemerhatian reflektif adalah individu yang berorientasikan pemerhatian reflektif iaitu suka memikirkan makna sesuatu situasi dan idea. Menurut Clark (1995), mereka melihat aplikasi sesuatu perkara dari pelbagai perspektif dan menghayatinya dari sudut yang berbeza berdasarkan pengalaman diri mereka. Mereka dapat belajar dengan baik melalui penggunaan log, jurnal, kuliah dan 'brainstorming'. Individu jenis ini adalah seseorang yang reflektif, suka mencuba, adil, introversi, berhati-hati semasa membuat penilaian dan suka menghadiri kuliah dan menerima nasihat daripada pakar serta sentiasa merujuk kepada pakar untuk mendapat pandangan dan penjelasan (Kolb, 1976). Hartman (1995), pula berpendapat pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini gemar mengumpul maklumat, menganalisis data serta mengambil masa untuk membuat kesimpulan di samping mengambil kira pemerhatian orang lain serta perkara yang sedang dan yang telah berlaku.

Dalam kajian ini, 37.1 peratus (26 orang) pula mengamalkan gaya pembelajaran pengalaman konkrit. Pelajar yang berorientasikan gaya pembelajaran pengalaman konkrit adalah melibatkan diri secara langsung dalam proses pembelajaran untuk mendapatkan pengalaman baru. Menurut Clark (1995), pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini dapat belajar dengan baik melalui eksperimen di makmal, kerja lapangan, pemerhatian dan filem. Pelajar jenis ini suka perbincangan yang bersifat teoritikal (Kolb, 1976). Selain itu mereka suka berinteraksi dengan maklum balas, aktiviti kemahiran dan di bimbing dengan kaedah pembelajaran sendiri yang sesuai. Hartman (1995) mengelaskan pelajar ini kepada golongan yang pragmatis. Mereka gemar mencuba idea, teori dan teknik untuk memastikan sama ada ia berguna dalam situasi sebenar. Mereka berpendapat 'selagi sesuatu itu boleh berfungsi ia adalah baik'.

Dalam kajian ini, kategori gaya pembelajaran yang kurang diamalkan adalah pengkonsepsian abstrak 12.8 peratus (9 orang) dan pengujikajian aktif 7.1 peratus (5 orang) paling kurang diamalkan. Menurut Kolb (1976), mereka yang berorientasikan gaya pengkonsepsian abstrak ialah seorang yang mempunyai pemikiran logik dan reflektif, penilaian rasional, berorientasikan benda dan simbol, suka situasi pembelajaran yang 'impersonal' iaitu yang mementingkan teori dan analisis yang sistematik sementara yang berorientasikan gaya pengujikajian aktif pula mahir dalam menjana seseuatu idea yang cekap dan bernas, menggunakan teori untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan baik.

Jenis gaya pembelajaran pula 51.4 peratus (36 orang) daripada 70 orang responden mengamalkan jenis gaya pembelajaran pencapaian (*diverger*). Menurut Kolb (1976), latar belakang mereka dari bidang kemanusiaan dan seni liberal. Individu yang cenderung kepada pencapaian mempunyai kebolehan imaginatif yang kuat. Mereka dapat memandangi sesuatu situasi dari perspektif yang berbeza dan menjana idea secara spontan, mengamati maklumat secara konkrit (menggunakan deria) dan memprosesnya secara reflektif. Mereka suka mencari makna dan sebab-sebab mencari sesuatu maklumat, belajar dengan mendengar dan berkongsi idea. Mereka melibatkan diri dan suka berinteraksi dengan orang lain. Mereka suka bertanya 'Mengapa?'. Mereka minat dalam bidang kemanusiaan dan elemen berkaitan dengan perasaan seperti kesenian. Antara aktiviti yang sesuai dengan orang jenis gaya ini meneliti latar belakang maklumat dan mengesan peluang yang ada, menyelidik corak-corak baru, mengenalpasti perbezaan dan masalah serta menjana alternatif.

Dalam kajian ini, 31.4 peratus (22 orang) pula mengamalkan jenis gaya pembelajaran asimilasi (*assimilator*). Menurut Kolb (1976), latar belakang mereka adalah dari sains dan matematik. Individu yang cenderung kepada asimilasi mempunyai kebolehan menghasilkan model teoritikal. Mereka lebih menitikberatkan konsep-konsep yang abstrak. Cara mereka belajar adalah dengan mengamati secara

abstrak dan memproses secara reflektif. Mereka suka mencari fakta-fakta untuk menjelaskan konsep-konsep dan belajar memikirkan tentang idea-idea. Mereka suka menyoal “Apa ini?”. Mereka kurang minat dalam bidang kemanusiaan dan pengaplikasian pengetahuan secara pratikal. Mereka mengambil perhatian dalam konsep yang abstrak. Aktiviti yang sesuai untuk orang jenis gaya ini ialah membangunkan sesuatu teori, membandingkan alternatif yang ada, membuktikan sesuatu kriteria, formulasikan sesuatu rancangan dan hipotesis serta memdefinisikan masalah. Mereka sesuai untuk menceburi diri dalam perancangan dan penyelidikan.

Jenis gaya pembelajaran yang paling kurang diamalkan ialah jenis gaya pembelajaran pemusatan (*converger*) dan penyesuaian diri (*accommodator*) masing-masing 8.6 peratus (6 orang). Mereka yang cenderung kepada pemusatan mempunyai kekuatan dalam mengaplikasi idea secara pratikal. Mereka dapat menonjolkan diri dalam situasi seperti ujian kecerdasan yang hanya mempunyai satu jawapan yang benar atau satu kaedah penyelesaian masalah. Mereka mengamati maklumat secara abstrak dan memproses secara aktif. Mereka suka mencari kegunaan maklumat dan belajar dengan menguji teori untuk mengetahui kegunaannya. Mereka perlu mengetahui bagaimana sesuatu benda berfungsi dan suka membuat atau mencuba dengan diri sendiri untuk menambah pengalaman.

Sementara mereka yang cenderung kepada gaya pembelajaran penyesuaian diri cenderung dalam melakukan kerja berasaskan rancangan dan eksperimen, sering memajukan diri dengan pengalaman yang baru, mengadaptasikan keadaan dengan cepat dan menyelesaikan masalah secara intuitif. Mereka mengamati maklumat secara konkrit dan memprosesnya secara aktif. Mereka suka mencari kegunaan yang belum diketahui untuk sesuatu maklumat. Mereka belajar cara cubajaya dan penemuan sendiri.

Persoalan kajian kedua ialah “Apakah gaya pengajaran dominan yang diamalkan oleh pensyarah PKPGB berdasarkan Inventori Gaya Pengajaran Grasha?”

Gaya pengajaran Grasha tersebut ialah gaya pengajaran pakar, autoriti formal, model peribadi, pemudahcara dan delegator. Dalam kajian ini, purata skor min bagi pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran pakar ialah 4.178 berada pada tahap tinggi. Pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran pakar ini membawa pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang mencabar pemikiran pelajar dan menggalakkan persaingan. Gaya pengajaran ini berpusatkan pensyarah di mana maklumat disampaikan oleh pensyarah dan pelajar hanya menerima maklumat dan pengetahuan. Gaya pengajaran ini menekankan bahawa fakta, konsep dan prinsip merupakan perkara penting yang mesti pelajar kuasai dan 60.0 peratus responden sangat setuju dengan pernyataan ini dan beranggapan bahawa ‘ilmu pengetahuan dan kepakaran dengan pelajar merupakan keutamaan’. Dengan itu, pelajar memperoleh perspektif yang lebih luas sekiranya pensyarah menghuraikan topik pelajaran yang akan diajar. Pelajar seharusnya menamatkan kelas dengan kefahaman yang tinggi bagi meneruskan proses pembelajaran seterusnya.

Dalam pendekatan gaya pengajaran ini, 55.7 peratus setuju dengan pernyataan bahawa ‘kaedah memberi kuliah adalah penting dalam sesi pengajaran’. Menurut Ng Kim Choy *et al.*, (2000), pelajar cenderung terhadap gaya pengajaran pensyarah yang berbentuk kuliah dengan penglibatan sukarela pelajar di mana pensyarah masih dikehendaki memainkan peranan yang agak dominan dan pada masa yang sama, pelajar diberi kebebasan untuk melibatkan diri tanpa paksaan. Kepakaran pensyarah juga digunakan untuk menyelesaikan ketidakfahaman dalam isi pelajaran. 55.7 peratus setuju dengan pernyataan ‘pensyarah sebagai pembekal fakta, prinsip dan konsep yang mereka perlukan’ .

Gaya ini sesuai bagi pensyarah yang mampu mengawal kelas dengan baik. Gaya ini mengamalkan teknik perbincangan berasaskan berpusatkan pensyarah secara tradisional. Grasha (1996), menggariskan beberapa kebaikan gaya ini antaranya ialah ia mementingkan penyampaian ilmu pengetahuan yang harus di terima oleh pelajar.

Daripada kajian beliau juga mendapati beberapa keburukkan kaedah ini iaitu ilmu pengetahuan dan maklumat yang di terima oleh pelajar boleh jadi tidak menyokong proses pembelajaran.

Dalam kajian ini, purata skor min bagi pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran delegator ialah 3.982 berada pada tahap tinggi. Gaya pengajaran ini mementingkan proses pembelajaran sendiri pelajar yang membolehkan pensyarah membangunkan model berciri pembangunan insani. Pensyarah harus mengenalpasti kepercayaan dan kebolehan pelajar serta menyusun pengalaman yang membenarkan pelajar menjadi manusia yang berteraskan disiplin pengetahuan dan kemahiran.

Rumusan

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran belajar masing-masing begitu juga pensyarah mempunyai gaya pengajarannya yang tersendiri. Sebagai seorang pensyarah adalah perlu memahami gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajarinya. Dengan ini, pensyarah boleh menyediakan kaedah pengajaran yang bersesuaian supaya boleh meningkatkan lagi minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar. Selain daripada gaya pembelajaran, pelajar juga perlu mengetahui pengamalan kemahiran belajar masing-masing. Bukan setiap kemahiran yang digunakan itu betul, sebagai pelajar perlu mencari kemahiran belajar yang paling bersesuaian dengan diri sendiri supaya boleh mencapai proses pembelajaran yang efektif. Dengan ini, matlamat penubuhan Institusi Pengajian Tinggi untuk melengkapkan siswazah dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran demi menghadapi pelbagai cabaran di dunia pekerjaan akan tercapai.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat (1989). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd. Fatah Hasan (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Abd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Mahdzan Ayob (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Andy Farquharson (1995). *Teaching In Practice*. SF: Jossey-Bass
- Apps, W. J. (1990). *Study Skills For Today's College Students*. Sydney: Mc Grew Hill Publishing Company.
- Asiah Abu Samah (1994). Ke Arah Sistem Pendidikan Yang Unggul: Cabaran dan Masa Depan dlm *Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia. Siri Forum Ehwat Semasa MSRC 2*. Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia. 31.
- Asmah Ahmad (1989). *Pedagogi 1*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Bell, H. (1994). *Teaching To Transgress*. New York: Rutledge.
- Butler, K.A. (1987). *Learning And Teaching Style In Theory And Practice*. Columbia, CT: The Learner's Dimension.

- Clark, D. (1995). *Intructional System Design- Development Phase*.
<http://www.nmlink.com/~donclark/hrd/sat4.html>.
- Claxton, C.S. and Murell, P.H. (1998). *Learning Style*. ERIC Digest.
<http://www.ericae.net/edo/ED301143.htm>.
- David, J., Robert, J. and Edythe, H. (1994). *The Nuts And Bolt Of Cooperative Learning*. Edina, MN: Interaction Books.
- Dunn, K. (1982). *Learning Style Inventory Development And Research*. Boston: Allyn and Bacon.
- Dunn, R. (1999). How Do We Teach Them If We Don't Know How They Learn?. *Teaching Pre K-8*. 29(7). 50-52.
- Dunn, R. and Dunn, D.K. (1999). *The Complete Guide To Learning Styles Inservice System*. Boston: Allyn and Bacon.
- Ee Ah Meng (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1995). *Murid Dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shan Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.